

<input checked="" type="checkbox"/> Berita Harian
<input type="checkbox"/> Berita Minggu
Tarikh: 11/11/2010
Hari: CITA MAS M/S: 2
Ruangan: NASIONAL

Pelan belajar sepanjang hayat dirangka

Proses mendemokrasiikan pendidikan persediaan capai status negara berpendapatan tinggi

Oleh Shaarani Ismail
sharaani@berita-harian.com.my

KUALA LUMPUR: Kementerian Pengajian Tinggi merangka satu pelan tindakan membudayakan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) bagi tempoh 2011 hingga 2020 yang akan dilaksanakan sebagai dasar dan petunjuk pelaksanaan dalam mendemokrasiikan pendidikan negara.

Menterinya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin,

berkata pelan tindakan itu bertujuan memastikan negara bersedia bergerak ke arah status negara berpendapatan tinggi seperti yang disasarkan kerajaan.

Katanya, ketika ini kementerian menjadikan pembelajaran sepanjang hayat sebagai tonggak ketiga dalam Sistem Pendidikan Negara bagi membolehkan kerajaan menyediakan modal insan berilmu, berkemahiran dan berdaya saling.

"Proses mendemokrasiikan pendidikan dalam ne-

gara adalah sebahagian usaha kerajaan untuk mengupayakan masyarakat supaya mereka tidak tercicir dan menyertai proses pembangunan dan kemajuan negara," katanya selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Pembelajaran Sepanjang Hayat di sini, semalam.

Seminar anjuran Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan kerjasama dua universiti dari Thailand iaitu Rajamangala University of Technology Srivijaya dan Pr-

incess of Naradhiwas University, disertai 120 ahli akademik dari 20 negara.

Khaled berkata, kementerian juga merancang mewujudkan sistem PSH yang mapan sebagai agenda nasional selaras Model Baru Ekonomi (MBE), Program Transformasi Ekonomi (ETP), Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) dan konsep 1Malaysia, dengan penekanan terhadap latihan berterusan dan memahirkan semula tenaga kerja bagi pekerjaan bernilai tinggi.

Katanya, kementerian kini dalam usaha mengumpul maklumat melalui satu pangkalan data khusus dari semua institusi pengajian tinggi tempatan untuk melihat sejauh mana tahap pelaksanaan pembelajaran sepanjang hayat ketika ini memberikan peluang kepada rakyat mendapatkan pendidikan tanpa mengira kelompok tertentu.

"Melaluinya, kita nak tahu di mana kedudukan kita sekarang ini dan akan membolehkan kementerian meran-

cang lebih baik serta memberikan peluang sama kepada rakyat untuk menyambung pengajian ke tahap tertinggi yang mereka mampu," katanya.

Katanya, maklumat dikumpul melalui pangkalan data berkenaan akan memudahkan rakyat menyambung pengajian melalui satu mekanisme lebih mudah, termasuk mengiktiraf pengalaman bekerja sebagai syarat umum menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi.